**GEORGE KENT (MALAYSIA) BHD**

**lwn.**

**GOPENG CONSTRUCTION SDN BHD**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
ABDULL HAMID EMBONG H
[PENGGULUNGAN SYARIKAT NO: 28-30-2002]
12 MEI 2003

***PROSEDUR SIVIL:*** *Notis usul - Kelewatan pemfailan - Sama ada faktor masa menjadi suatu keperluan mandatori dibawah s. 223, Akta Syarikat 1965 - Sama ada pempetisyen diprejudiskan*

***UNDANG-UNDANG SYARIKAT:*** *Penggulungan - Pembekuan akaun bank - Prejudis yang dialami oleh responden dimana akaunnya telah dibekukan - Faktor kepentingan perjalanan perniagaan harian syarikat pemohon - Sama ada perintah pengesahan akan menyebabkan pelupusan asset - Sama ada perintah pengesahan akan memberi keutamaan hanya kepada sebahagian pemiutang tidak bercagar*

Ekoran kegagalan pihak responden untuk menjelaskan hutangnya kepada pihak pempetisyen, pihak bank pula telah memaklumkan kepada pihak responden akan pembekuan akaun syarikat responden. Maka, ini adalah permohonan responden melalui notis usul untuk perintah agar akaun syarikat responden di bank tersebut tidak dibekukan dalam perlaksanaan perniagaan harian yang biasa, berikutan pemfailan petisyen penggulungan ini, selaras dengan peruntukkan di bawah s. 223 Akta Syarikat 1965.

**Diputuskan:**

**[1]** Walaupun responden lewat untuk memfailkan notis usul ini, ia bukanlah faktor yang harus diambil kira untuk mengetepikan permohonan ini. Faktor masa tidak disebut dan tidak menjadi suatu keperluan mandatori dibawah s. 223, Akta Syarikat 1965. Kelewatan, jikapun ada, tidak memprejudiskan pempetisyen berbanding dengan prejudis yang dialami oleh responden dimana akaunnya telah dibekukan. (ms 22 d-e)

**[2]** Tidak dinafikan yang suatu perintah pengesahan akan menyebabkan pelupusan asset, tetapi itu bukanlah faktor utama yang menjadi halangan selagi dapat dibuktikan yang ia adalah patut serta adil untuk memberi suatu perintah berdasarkan niat suci dan untuk kepentingan perjalanan perniagaan harian syarikat pemohon. (ms 23 d)

**[3]** Kebimbangan pempetisyen bahawa suatu perintah pengesahan akan memberi keutamaan hanya kepada sebahagian pemiutang tidak bercagar adalah tidak berasas. Ini adalah kerana responden telah mengeksibitkan penyata akaun bank yang menunjukkan baki kredit yang masih ada jauh melebihi jumlah tuntutan dalam petisyen ini. Juga, tidak ada bukti yang menunjukkan responden telah atau akan bertindak untuk melesapkan asetnya dalam bank itu. (ms 23 e-f)

*[Perintah pengesahan dibenarkan.]*

**Kes-kes yang dirujuk:**

*BSN Commercial Bank (M) Bhd v. River View Properties Sdn Bhd [1996] 1 BLJ 307 HC* ***(dirujuk)***

*Kimoyama Elektrik (M) Sdn Bhd v. Metrobilt Construction Sdn Bhd [1990] 2 CLJ 795; [1990] 2 CLJ (Rep) 253 HC* ***(dibezakan)***

*Re Clifton Place Garage Ltd [1969] 3 ALL ER 892* ***(dirujuk)***

*Re Steane's (Bournemouth) Ltd [1950] 1 All ER 21* ***(dirujuk)***

*Re Wiltshire Iron, Co ex p Pearson [1868] 3 Ch App 443* ***(dirujuk)***

**Perundangan yang dirujuk:**

Companies Act 1965, ss. 218, 223

*Bagi pihak responden - Wan Khoon Meng; T/n Wan & Wan*

*Bagi pihak pempetisyen - Surinder Singh; T/n Megat Najmuddin Leong & Co*

*Dilaporkan oleh Raja Vishnu Sivarajah*

## PENGHAKIMAN

**Abdull Hamid Embong H:**

Dalam tindakan ini pempetisyen menuntut jumlah terhutang sebanyak RM1,184,000 yang gagal dibayar setelah tempoh tiga minggu yang diberi dalam notis s. 218 Akta Syarikat berakhir. Berikutan dengan penyerahan petisyen ini, pihak Maybank Berhad yang beralamat di Bangunan Mayban Trust, No 28, Jalan Tun Sambanthan, Ipoh dalam suratnya bertarikh 6 September 2002 telah memaklumkan pembekuan akaun syarikat responden berkuatkuasa serta merta.

Melalui notis usul di lampiran 25 responden memohon perintah agar akaun syarikat di bank tersebut tidak dibekukan dalam perlaksanaan perniagaan harian yang biasa ekoran pemfailan petisyen penggulungan ini selaras dengan peruntukkan s. 223 Akta Syarikat 1965 iaitu:

s. 223 – Avoidance of dispositions of property, etc.

Any disposition of the property of the company including things in action and any transfer of shares or alteration in the status of the members of the company made after the commencement of the winding up by the Court shall unless the Court otherwise orders be void.

Lord Cairns LJ dalam kes *Re Wiltshire Iron, Co. Ex p. Pearson* [1868] 3 Ch, App 443 telah menjelaskan tentang tujuan peruntukkan ini diadakan serta keadaan-keadaan yang membolehkan kebenaran diberikan, katanya;

This is a wholesome and necessary provision, **to prevent,** during the period which must elapse before a petition can be heard, the **improper alienation and dissipation of the property of a company** 'in extremis'. But where a company actually trading, which it is the interest of every one to preserve, and ultimately to sell, as a going concern, is made the object of a winding-up petition, which may fail or may succeed, if it were to be supposed that transactions in the ordinary course of its current trade, *bona fide* entered into and completed, would be avoided, and would not, in the discretion given to the court, be maintained, the result would be that the presentation of a petition, groundless or well founded, would *ipso facto*, **paralyze the trade of the company,** and great injury, without any counterbalance of advantage, would be done to those interest in the assets of the company. (penekanan ditambah)

Sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Re Steane's (Bournemouth) Ltd* [1950] 1 All ER 21, dalam memberi sesuatu kebenaran, mahkamah harus bertindak atas apa yang difikirkan adil dan saksama setelah memberi pertimbangan kepada fakta dan keadaan kes itu sendiri terutamanya atas niat baik pihak yang memohon demi kepentingan urusan perniagaan harian yang biasa, dan jika tidak dibenarkan urusan syarikat akan menjadi lumpuh.

Keputusan saya dalam kes ini juga berlandaskan kepada ujian yang dipakai oleh Megarry J dalam kes *Re Clifton Place Garage Ltd* [1969] 3 All ER 892 dengan persoalan berikut:

whether the act was done reasonably and in good faith for the benefit of the company?.

Dan pertimbangan ini terpulang kepada budibicara seseorang hakim seperti dinyatakan oleh Vaisey J dalam kes *Re Steane* (di atas) berbunyi:

The legislature, by omitting to indicate any particular principles which should govern the exercise of the discretion vested in the court, must be deemed to have left it entirely at large, and controlled only by the general principles which apply to every kind of judicial discretion.

Berlandaskan garis panduan tersebut, saya telah meneliti kandungan afidavit sokongan responden dilampiran 26 untuk melihat sejauh mana akaun ini diperlukan dalam perlaksanaan perniagaan harian yang biasa. Sebagai sebuah syarikat yang aktif menjalankan perniagaan dalam bidang pembinaan (responden ialah kontraktor kepada Jabatan Bekalan Air, Negeri Sembilan), tentunya responden perlu membuat pembayaran gaji serta elaun kepada pekerja, caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, pembayaran kepada kontraktor kecil, membayar bil-bil air serta elektrik dan sebagainya. Saya percaya kesemua aktiviti ini adalah tergolong dalam urusan harian biasa dan pastinya pembekuan akaun akan menyebabkan syarikat pemohon tidak dapat berfungsi langsung dan segala kegiatan harian akan terganggu. Dalam kata Lord Cairns LJ dalam kes *Re Wiltshire Iron*, pemberhentian kesemua bayaran akan "paralyze the trade of the company".

Pempetiysen mempertikai niat baik dan kejujuran responden atas beberapa alasan antaranya kelewatan menfailkan notis usul ini. Pada tahap ini, saya memutuskan isu kelewatan dan ketiadaan penjelasan kenapa permohonan ini dibuat selepas lima bulan dari tarikh pemfailan petisyen bukanlah faktor yang harus diambil kira untuk mengetepikan permohonan ini. Faktor masa tidak langsung disebut dan menjadi satu keperluan mandatori dibawah s. 223 Akta Syarikat. Kelewatan jikapun ada, tidak memprejudiskan pempetisyen dalam apa jua keadaan berbanding dengan prejudis yang dialami oleh responden dimana akaunnya telah dibekukan sejak 6 September 2002 sehingga kini. Bagi saya, adalah lebih adil jika permohonan ini dipertimbangkan atas meritnya, termasuk faktor kejujuran responden dalam membuat permohonan ini.

Seterusnya pempetisyen telah merujuk kepada setiap satu dokumen-dokumen menuntut pembayaran yang dilampirkan oleh responden bagi menyokong permohonan notis usul ini yang ditandakan sebagai eks. R2 dilampiran 26. Responden didakwa gagal menunjukkan sebarang keterangan bagaimana hutang-hutang ini telah timbul dan apakah pertalian serta kaitan setiap tuntutan tersebut dengannya. Justeru dibimbangi akan timbul situasi dimana keutamaan tidak wajar akan diberi kepada pemiutang tidak bercagar ini sekiranya perintah pengesahan pembayaran dibenarkan.

Persoalan mengenai isu 'preferential treatment' tidak timbul disini walaupun pempetisyen mendakwa pengeluaran wang dari akaun ini bertujuan untuk membayar tuntutan beberapa pemiutang tidak bercagar (unsecured creditors) sahaja. Memang benar sebagaimana yang diputuskan oleh Zakaria Yatim J dalam kes *Kimoyama Elektrik (M) Sdn. Bhd. v. Metrobilt Construction Sdn. Bhd.* [1990] 2 CLJ 795; [1990] 2 CLJ (Rep) 253 bahawa perintah pengesahan

tidak wajar dibenarkan jika kesannya akan menyebabkan sebahagian pemiutang akan menerima pembayaran secara penuh dan sebahagian yang lain akan terjejas.

Bagaimanapun prinsip dan keputusan kes diatas patut diterimapakai selagi fakta-fakta yang menyokong permohonan itu sendiri tidak memungkinan perintah pengesahan pembayaran dibenarkan. Berbeza dengan fakta kes diatas, disini saya berpuashati dengan bukti yang ditunjukkan oleh pihak pemohon bahawa segala pembayaran yang ingin dilakukan adalah dalam urusan perniagaan hariannya. Jikapun responden tidak menjelaskan secara terperinci bagaimana hutang-hutang tersebut timbul dan apakah kaitan dengannya tetapi dalam membuat penilaian ini saya telah menggunakan pendapat akal budi seorang hakim untuk melihat dan menilai dokumen-dokumen yang dilampirkan sememangnya mempunyai kaitan dengan urusan harian yang sedang dijalankan oleh pemohon.

Sememangnya tidak dinafikan perintah pengesahan akan menyebabkan pelupusan aset tetapi itu bukanlah faktor utama yang menjadi halangan selagi dapat dibuktikan dan mahkamah merasakan adalah patut serta adil untuk memberikan perintah berdasarkan niat suci dan demi kepentingan perjalanan perniagaan harian syarikat pemohon. *BSN Commercial Bank (M) Bhd. v. River View Properties Sdn. Bhd.* [1996] 1 BLJ 307 dirujuk.

Saya juga memutuskan bahawa kebimbangan pempetisyen bahawa perintah ini akan memberi keutamaan hanya kepada sebahagian pemiutang tidak bercagar amat tidak berasas kerana responden telah mengeksibitkan penyata akaun bank (R3 dilampiran 26 dirujuk) yang menunjukkan baki kredit yang masih ada jauh melebihi jumlah tuntutan dalam petisyen ini. Akaun bank terakhir responden menunjukkan baki wang tunai sebanyak RM1,462,652.22, yang melebihi tuntutan pempetisyen. Jumlah wang yang perlu dibayar oleh responden kepada kontraktor kecilnya setakat permohonan ini ialah RM140,000.

Juga tiada bukti yang menunjukkan responden telah atau akan bertindak untuk melesapkan asetnya dalam bank itu.

Berdasar alasan-alasan diatas saya telah membenarkan perintah pengesahan (validation order) diberikan tanpa perintah terhadap kos dan sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengelak penyalahgunaan kelonggaran yang diberikan, responden diperintahkan memberi akujanji untuk membekal penyata akaun semasa bulanan kepada pempetisyen bagi transaksi yang dilakukan dengan kebebasan kepada kedua-dua pihak untuk memohon kepada mahkamah bagi perintah selanjutnya.